

545:

MAHATHIR - PELAJARAN

1975

KUALA TRENGGANU, 10 MEI (BERNAMA) -- PARA GURU HARI INI DISERU MENGGUNAKAN BERBAGAI KAEDAH MENGAJAR SUPAYA PARA PELAJAR BOLEH MEMBACA DAN MENULIS DENGAN LANCAR SEBELUM MEMASUKI SEKOLAH MENENGAH.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA, ADA PELAJAR-PELAJAR DI TINGKATAN SATU DAN DUA YANG MASIH BELUM TAHU MENULIS NAMA MEREKA DENGAN BETUL.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN BANGUNAN TAMBAHAN SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN, BELADU KOLAM DEKAT SINI HARI INI.

KATANYA, PARA GURU DAN IBUBAPA JUGA HENDAKLAH MENITIKBERATKAN TENTANG TATATERTIB DAN SOPAN SANTUN SERTA MENJADIKAN PENYEMAIAN AKHLAK YANG BAIK SEBAGAI TANGGONGJAWAB MEREKA.

DR. MAHATHIR JUGA MENCADANGKAN SUPAYA PIHAK SEKOLAH BEKERJASAMA DENGAN PERSATUAN-PERSATUAN IBUBAPA MENGUMPULKAN MAJALAH DAN AKHBAR LAMA UNTUK DISERAHKAN KE SEKOLAH-SEKOLAH SEBAGAI BACAAN KANAK-KANAK. -- BERNAMA 1502/A1